

25 OCT 1996

Mahathir-Belanjawan

BONUS BUKAN KEGIATAN TAHUNAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kakitangan kerajaan supaya jangan menganggap bonus yang diberikan kepada mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini sebagai kegiatan tahunan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pembayaran bonus perlulah dianggap sebagai pemberian istimewa kerajaan kepada kakitangannya apabila ia mampu dan bukannya tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan setiap tahun.

"Ia bukan kegiatan tahunan, jadi jangan jadikannya sebahagian daripada belanjawan peribadi.

"Belanja setakat gaji yang kita dapat tiap-tiap bulan sahaja. Jangan ingat kata hujung tahun kita dapat bonus satu bulan gaji, tak boleh," katanya ketika ditanya pemberita selepas pembentangan Belanjawan 1997 oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat, di sini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan pembayaran bonus satu bulan gaji kepada kakitangan kerajaan dengan kadar minimum RM700 bagi mereka yang berpendapatan rendah daripada itu.

Bonus kali ini merupakan yang keempat sejak 1993 apabila kerajaan membayar bonus setengah bulan atau jumlah minimum RM400.

Pada 1994 dan tahun lepas, kerajaan membelanjakan RM1,000 juta setahun untuk membayar bonus sebulan gaji atau minimum RM600 ataupun satu setengah bulan gaji bagi kumpulan gaji terendah.

Dr Mahathir berkata, jumlah RM1,000 juta yang diperuntukkan bagi pembayaran bonus tahun ini bukanlah sedikit, malah turut menjadi antara sebab Belanjawan 1997 yang berjumlah RM59,982 juta kurang 1.2 peratus daripada tahun lepas.

"Ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab. Kita tidak menggunakan wang sesuka hati. Kita tak belanja wang yang kita tak ada.

"Kalau kita nak bankrapkan negara ini kita belanja lebih daripada duit yang kita ada. Tapi kita selalu berhati-hati dalam membuat belanjawan supaya kita tidak belanja lebih daripada pendapatan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, bonus sebulan gaji itu patut diterima baik oleh setiap kakitangan kerajaan kerana ia merupakan lapan peratus daripada jumlah pendapatan tahunan mereka.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada pemberian bonus satu bulan gaji itu bermakna kerajaan bersedia berunding dengan Cuepacs mengenai tuntutan-tuntutan lain memandangkan bonus yang diminta Cuepacs ialah dua bulan gaji dengan kadar minimum RM800.

Katanya, Cuepacs tidak sepatutnya menjadikan kegagalan mendapatkan jumlah bonus seperti yang diminta itu sebagai alasan untuk memperkukuhkan tuntutan yang lain.

"Tak dapat ini, nak yang lain, minta lagi, saya ingat susahlah," kata beliau yang mengharapkan Cuepacs memahami kedudukan kewangan kerajaan.

Ketika ditanya nasihatnya kepada kakitangan kerajaan yang mendapat "durian runtuh" sebelum tahun ini berakhir, beliau berkata: "Jangan sekali gus belanjakan wang yang kita dapati. Kalau kita boleh menabung atau melabur, kita harus menabung dan melabur".

Katanya, memandangkan bonus itu merupakan tambahan kepada pendapatan mereka, kakitangan kerajaan sepatutnya menggunakan wang itu untuk perkara-perkara yang kekal dan berguna. -- BERNAMA

AH NMO

